



NOTA UCAPAN YBHG KETUA SETIAUSAHA PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TARIKH : 11 September 2020
TEMPAT : My Town Kuala Lumpur

Salam Sejahtera.
Saudara Pengacara Majlis

YBhg. Dr Alauddin bin Sidal
Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri)

YBrs. En. Mohamed Zahari Razali
Timbalan Ketua Setiausaha
(Pendayaupayaan Pengguna)

YBhg. Dato' Iskandar Halim bin Hj. Sulaiman
Pengarah Penguatkuasa

YBrs. Encik Shamshuzaman bin Hj. Sulaiman
Pengarah Kanan Sektor Perdagangan, Pengedaran dan
Perniagaan

YBhg. Datuk Dr. Radzali bin Hassan
Pengerusi Persatuan Francais Malaysia (MFA)

Yang Berusaha Encik Mohd Adhan bin Che Mat
Pengurus Pusat Beli Belah MyTown

Seterusnya,
Wakil-Wakil Syarikat Francaisor, Rakan-rakan Media dan hadirin
hadirat sekalian.

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan rasa syukur kerana program pendedahan perniagaan francais dapat juga dianjurkan julung-julung kalinya di Pusat Beli Belah My Town, Kuala Lumpur ini.
2. Terima kasih tidak terhingga juga saya rakamkan buat rakan-rakan francaisor yang menyertai pameran *Francais Bay* yang bermula pada hari ini sehingga 13 September 2020.

Pameran Francais Berskala Kecil (Franchise Bay)

3. Alhamdulillah, situasi Covid-19 di negara kita adalah agak terkawal. Ini membolehkan kita meneruskan kehidupan kita dengan perubahan kepada pemakaian amalan norma baharu. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil peluang ini untuk menganjurkan program *Franchise Bay* ini yang bertujuan memberi pendedahan kepada umum tentang sektor perniagaan francais di dalam negara. Program kita pada hari ini adalah yang pertama daripada siri Jelajah *Francais Bay* ke seluruh negara yang akan dilaksanakan pada tahun ini dan diteruskan pada tahun hadapan. Kesedaran berhubung perniagaan francais perlu diketengahkan dari semasa ke semasa agar perniagaan francais Malaysia dapat berkembang dengan sempurna.

4. Walau bagaimanapun, dalam pada kita meneruskan aktiviti dan program yang telah dirancang, amalan norma baharu seperti penjarakkan sosial dan memakai pelitup muka perlu diberi keutamaan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Pendedahan kepada usahawan dan bakal usahawan mengenai konsep perniagaan francais adalah suatu perkara yang penting dalam usaha kerajaan menggalakkan rakyat berkecimpung dalam aktiviti perniagaan.

6. Sistem francais amat berbeza dengan perniagaan tradisional yang perlu dibina dan diusahakan daripada awal (*start from scratch*). Sebagai contoh, seseorang usahawan yang ingin memulakan perniagaan makanan dan minuman perlu memikirkan menu apa yang hendak dijual, perkakas dapur yang perlu dibeli, berapa banyak stok awal yang diperlukan dan pelbagai lagi. Samada perniagaan itu boleh berjaya atau tidak adalah berdasarkan percaturan usahawan sendiri tanpa sebarang panduan dari mana-mana pihak.

7. Manakala perniagaan francais, adalah perniagaan yang bersistem, mengandungi manual operasi, manual latihan dan seterusnya francaisor jenama tersebut akan memantau setiap perkembangan perniagaan usahawan ini. Oleh yang demikian,

risiko dapat dikurangkan namun masih memberi pulangan yang baik kepada usahawan.

8. Melalui program ini, bakal-bakal usahawan akan didedahkan mengenai sistem-sistem perniagaan francais yang telah wujud di negara ini serta pakej-pakej latihan dan pembiayaan yang ada disediakan oleh Kerajaan bagi. Peluang ini wajar direbut oleh rakyat dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi diri dan keluarga masing-masing.

9. Untuk makluman, terdapat 646 jenama francais yang berdaftar di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 583 adalah jenama tempatan seperti, Manhattan Fish Market, Marrybrown, Tealive, Coolblog, Genius Aulad, Old Town White Coffee, dan Teh Tarik Place.

10. Seperti sedia maklum, pandemik Covid 19 yang melanda juga memberi kesan yang nyata kepada ekonomi. Oleh itu penganjuran Program *Franchise Bay* ini merupakan platform kepada para franchisor mempromosikan perniagaan francais mereka dan bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi negara.

Francais Mampu Milik dan Francais Mikro

YBhg. Datuk/ Datin / Tuan / Puan,

11. Kementerian juga sedang giat mempromosikan semula perniagaan francais berbentuk mikro yang pernah dilaksanakan

pada tahun 2012. Perbincangan telah diadakan bersama beberapa pemain industri yang berpotensi untuk menawarkan pakej francais mampu milik yang bernilai RM100 ribu ke bawah dan francais mikro bernilai RM50 ribu ke bawah yang relevan kepada golongan B40 dan M40. Inisiatif ini akan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan B40 dan M40 di samping menjana pulangan keuntungan kepada francaisor.

12. Untuk makluman, KPDNHEP mempunyai rakan strategik yang menawarkan kemudahan pembiayaan kepada mereka yang berminat untuk menceburi perniagaan francais, iaitu Skim Pembiayaan Kecil Francais (SPKF) dan Dana Bantuan Pembangunan Francais (DBPF) oleh Perbadanan Nasional, serta Skim Pembiayaan Francais (SPF) oleh Credit Guarantee Corporation (CGC).

13. Sehingga hari ini, bilangan francais yang menawarkan pakej mikro dan mampu milik ialah sebanyak 11 jenama, antaranya ialah, Arjuna Village, Ani Sup Utara, Taska Bonda Mama, KopieSatu, ELV, Global Art, V-Agromart, MD Putu Bambu World, Q-dees, Home Maths Therapy Centre dan Ayam D'Penyet.

14. Di sini, sekiranya terdapat francaisor yang berminat untuk menyertai dan terlibat dengan usahasama ini, bolehlah mengadakan perbincangan bersama pihak Kementerian. Kerjasama ini bukan sahaja memberi manfaat kepada pemain

industri tetapi ini adalah satu langkah bagi menghadapi proses pemulihan dalam pusingan ekonomi (*economy cycle*) yang boleh menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.

Harapan Kementerian Franchise Bay

YBhg. Datuk/ Datin / Tuan / Puan,

15. Melalui penganjuran program ini, Kementerian menyasarkan sekurang-kurangnya 30 potensi francais baru dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM 7.5 juta. Sebanyak 12 *bay* disediakan secara percuma kepada francaisor yang terlibat untuk memasarkan sistem perniagaan francais mereka kepada rakyat. Kementerian berharap setiap francaisor dapat memanfaatkan program ini dengan sepenuhnya dalam meluaskan jenama masing-masing.

16. Buat para pengunjung MyTown pula, sudi-sudilah luangkan masa anda untuk mengenali perniagaan francais dengan lebih dekat. Mana tahu, ada di kalangan anda adalah bakal usahawan francais yang berjaya. Sekali lagi saranan saya, rebutlah peluang ini.

Penutup

YBhg. Datuk/ Datin / Tuan / Puan,

17. Sebelum saya mengakhiri ucapan, ingin saya ucapkan Selamat Menyambut Kemerdekaan Malaysia Ke-6 dan Selamat Hari Malaysia kepada kita semua. Nyatakanlah kebanggaan dan semangat patriotisme kita dengan menyokong produk dan jenama tempatan, termasuk kesemua 12 jenama *Francais* Malaysia yang ada bersama kita dalam program ini.

18. Itu sahaja daripada saya. Tanpa berlengah masa, dengan ini saya merasmikan Siri Jelajah *Francais Bay* ini.

19. Pilih perniagaan, PilihFrancais.

Sekian, terima kasih.